

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HSM 312 Sejarah Politik Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab TIGA [3] soalan, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah dapat anda bersetuju dengan pandangan bahawa pada 1946 nasionalisme Melayu telah memuncak apabila masyarakat Melayu menjadi "satu barisan bersepadu untuk mempertahankan kedudukan raja-raja kerana akibat ancaman Malayan Union kedudukan raja-raja telah menjadi lambang takdir bangsa Melayu"?
2. Apakah, pada pandangan anda, pergerakan PUTERA-AMCJA tidak dapat menandakan suatu bentuk nasionalisme yang bermakna dalam sejarah Tanah Melayu kerana cita-cita politiknya "sungguh idealistik dan langsung tidak dapat digunakan"?
3. Mengikut Loh Koh Wah, sejak 1970an masyarakat Kadazan telah melalui suatu transformasi yang menepati fahaman nasionalisme, iaitu proses kelahiran semangat satu bangsa berdasarkan identiti politik dan budaya bersama.

Setujukah anda dengan pandangan ini? Mengapa?

BAHAGIAN B

4. Wajarkah, pada pandangan anda, pencapaian merdeka oleh Parti Perikatan dikenalpasti sebagai kesan utama Darurat walaupun Parti Perikatan bukan pihak yang terlibat secara langsung dalam perang antara Parti Komunis Malaya dan pemerintahan British?
5. Ulaskan pandangan bahawa pemisahan Singapura daripada Malaysia pada 1965 mencerminkan hakikat pemimpin kedua-dua pihak terperangkap dalam suatu konflik yang diluar kawalan mereka.
6. "Krisis politik di negeri Sarawak berterusan sejak pembentukan Malaysia hingga akhir dasarwarsa 1970an kerana rebutan antara pemimpin tempatan yang masing-masing berhasrat menerajui kerajaan negeri".

Bincangkan.

-oooOOOooo-